SAMPEL PERCUMA

# Trial STPM 2023 Perakaunan Semester 2 Pulau Pinang (SMJK Jit Sin)

## Set penuh: Kertas Percubaan STPM

Sem 1 · Perakaunan

**Sampel ini: 7 muka surat. Set penuh ada:**

- 3 fail PDF
- Semester 1: kertas percubaan (trial) negeri, subjek yang dipilih + skema
- Blueprint 30 hari Semester 1 (setiap subjek)
- Semester 3: percubaan 2024, 10 subjek, banyak negeri, soalan + skema dalam satu fail

# RM12.90

**BELI SET PENUH RM12.90 >**

nightmew.com/p/stpm · FPX semua bank · download sejurus lepas bayar

Sampel bermula di muka surat sebelah

**Soalan 1**

(a) Nyatakan dua tujuan pengumpulan kos. [2]

(b) Syarikat Lu yang mengeluarkan beberapa jenis produk kecantikan untuk dijual kepada pasar raya tempatan. Butir-butir berikut adalah kos Syarikat bagi tahun berakhir 31 Disember 2021 dan 2022.

| | Tingkat keluaran | |
|---|---|---|
| | 60,000 unit | 50,000 unit |
| Butiran kos | 31 Disember 2021 | 31 Disember 2022 |
| | RM | RM |
| Bahan mentah | 300,000 | 250,000 |
| Buruh perkilangan | 180,000 | 150,000 |
| Utiliti kilang | 30,000 | 27,500 |
| Penyelenggaraan dan pembaikan kilang | 27,000 | 24,500 |
| Gaji jurujual | 84,000 | 75,000 |
| Cukai harta kilang | 12,000 | 12,000 |
| Susut nilai mesin | 15,000 | 15,000 |
| Pengiklanan | 10,000 | 10,000 |

Tiada sebarang inventori awal dan akhir bahan mentah pada 31 Disember 2022

**Dikehendaki** hitung kos berikut bagi tahun berakhir 31 Disember 2022

(i) Jumlah kos berubah
(ii) Jumlah kos tetap
(iii) Kos penukaran [12]

(c) Syarikat JC Bhd yang mengeluarkan alatan sukan menggunakan kadar belanjawan untuk mengenakan overhed kilang bagi setiap pesanan kerja yang diterimanya. Kadar overhed pratentu dikira berdasarkan kos bahan langsung. Maklumat kos Syarikat bagi tahun berkahir 31 Jun 2022 adalah seperti berikut:

| | RM |
|---|---|
| Inventori awal: | |
| Bahan mentah | 30,000 |
| Kerja dalam proses | 58,000 |
| Barang siap | 110,000 |
| Inventori akhir: | |
| Bahan mentah | 31,000 |
| Kerja dalam proses | 60,000 |
| Barang siap | 160,000 |
| Belian bahan mentah | 280,000 |
| Buruh langsung | 190,000 |
| Buruh tak langsung | 189,000 |
| Komisen jualan | 40,000 |
| Gaji penyelia kilang | 172,000 |
| Kuasa mesin | 105,000 |
| Sewa kilang | 20,000 |
| Faedah sampingan buruh langsung | 55,000 |
| Susut nilai perabot pejabat | 10,000 |
| Pengiklanan | 30,000 |
| Kadar bayaran | 23,000 |

Maklumat Tambahan:

1) Kadar bayaran diagihkan antara perkilangan dan jabatan pentadbiran mengikut nisbah 3:1.

2) Kos overhed kilang yang dibelanjawankan bagi tahun kewangan semasa ialag RM595,000 dan kos bahan langsung sebanyak RM350,000.

**Dikehendaki** hitungkan:

i. Kos overhed kilang terlebih dan terkurang serap. [6]

**Soalan 2**

(a) Terangkan kebaikan penentuan kos tempahan kerja. [2]

(b) Nyatakan borang yang perlu disediakan oleh Perniagaan untuk laporan kos merekodkan ringkasan kos bahan mentah, kos buruh langsung dan kos overhed kilang untuk sesuatu tempahan kerja. Berikan tiga contoh industri yang menggunakan borang tersebut. Sediakan catatan jurnal tanpa angka untuk kos yang terlibat dalam borang tersebut. [3]

(c) Maklumat berikut dipetik daripada buku akaun Perniagaan Yann bagi bulan September 2022 seperti berikut:

| Kos berubah | RM |
|---|---|
| Bahan mentah (sekg) | 6.00 |
| Overhed kilang seunit | 9.60 |
| Jualan dan pentadbiran seunit | 3.40 |
| Buruh langsung (sejam) | 8.00 |

Untuk pengeluaran seunit barang memerlukan 2 jam buruh langsung dan 1.5 kg bahan mentah. Unit invnetori bulan Ogos adalah sebanyak 1,250 unit, unit yang dijual bagi bulan September ialah 5,950 unit dan bagi bulan ini unit yang telah dikeluarkan adalah sebanyak 6,000 unit. Harga jualan seunit adalah RM75.00.

| Kos tetap tahunan | RM |
|---|---|
| Gaji penyelia kilang | 288,000 |
| Insurans kilang | 120,000 |
| Sewa kilang | 216,000 |
| Susut nilai peralatan pejabat | 72,000 |
| Susut nilai mesin | 168,000 |
| Gaji pengurus pentadbiran | 226,800 |

**Dikehendaki:**

(i) Menyediakan penyata pendapatan bagi bulan berkahir 30 September 2022 dengan menggunakan kaedah pengekosan Marginal dan pengekosan Serapan. [11]

(ii) Menyediakan penyata penyesuaian untung [2]

(iii) Terangkan dua kebaikan pengekosan serapan. [2]

**Soalan 3**

(a) Jelaskan **tiga** andaian yang perlu diambil kira dalam analisis kos-volum-untung (KVU). [3]

(b) Perihalkan margin keselamatan. [2]

(c) Syarikat Sheng Hua Berhad menjual biskut kukis di pasaran tempatan. Syarikat sedang menghadapi persaingan kuat dalam merebut pasaran makan ringan yang sedang berkembang. Berikut adalah penyata pendapatan bagi operasi tahun semasa.

| | RM | RM |
|---|---|---|
| Jualan (350,000 bungkus) | | 700,000 |
| Kos Keluaran: Kos Berubah | 280,000 | |
| Kos Tetap | 105,000 | 385,000 |
| | | 315,000 |
| Kos Jualan dan Pentadbiran: | | |
| Kos Berubah | 70,000 | |
| Kos Tetap | 90,500 | 160,500 |
| Untung Bersih | | 154,500 |

Untuk menangani persaingan, pihak pengurusan sedang menyediakan rancangan bagi tahun kewangan yang akan datang.

Kos keluaran berubah mengandungi kos bahan mentah dan buruh langsung sahaja. Kos bahan merupakan 50% dari kos keluaran berubah.

Disebabkan peningkatan permintaan bahan-bahan di pasaran kos bahan mentah dijangka akan naik sekurang-kurangnya 20% pada tahun hadapan, manakala kos buruh langsung dijangka akan meningkat sebanyak 10%.

Belanja-belanja lain dijangka akan kekal pada tingkat yang sama.

**Dikehendaki:**

(i) Hitung titik pulang modal dalam bungkus dan RM dengan menggunakan kaedah margin caruman. [3]

(ii) Hitung margin keselamatan dalam bungkus untuk operasi tahun semasa. [1½]

(iii) Hitung harga jualan minima sebungkus yang perlu diletakkan pada tahun hadapan untuk mengekalkan untung tahun semasa. [3½]

(iv) Hitung jumlah bungkus kukis yang perlu dijual untuk membolehkan syarikat membayar sewa oven baharu sebanyak RM18,000 tanpa mengubah jumlah untung yang akan diterima pada tahun hadapan. [3]

(v) Lakar dan labelkan graf kos-volum-untung dengan menggunakan maklumat di (i) dan (ii). [4]

**Soalan 4**

(a) Dalam proses pembuatan keputusan jangka pendek, wujud masalah situasi faktor terhad. Nyatakan 4 contoh masalah situasi faktor terhad. [2]

(b) Berikut ialah Penyata Pendapatan Syarikat XYZ Bhd bagi bulan Jun 2023. Syarikat XYZ Bhd. mempunyai kapasiti penuh pada tahap 45,000 unit.

| | RM | RM |
|---|---|---|
| Jualan (39,000 × RM2.80) | | 109,200 |
| Kos Berubah: Perkilangan | 31,200 | |
| Jualan & Pentadbiran | 9,750 | 40,950 |
| Margin Sumbangan | | 68,250 |
| Kos Tetap: Perkilangan | 21,600 | |
| Jualan & Pentadbiran | 8,500 | 30,100 |
| Untung Bersih | | 38,150 |

Dalam bulan Julai 2023, Syarikat Mesra ingin membeli 5,000 unit produk daripada Syarikat XYZ pada harga RM2.00 seunit. Jika pesanan khas ini diterima, syarikat tidak perlu menanggung kos jualan & pentadbiran dan terpaksa menanggung kos pengangkutan tambahan sebanyak RM1,200.

**Dikehendaki:**

(i) Tentukan sama ada pesanan khas itu wajar diterima atau ditolak oleh Syarikat XYZ Bhd, [4]

(ii) Jelaskan **empat** faktor kualitatif yang perlu diambil kira dalam membuat keputusan sama ada untuk menerima atau menolak pesanan kha situ. [4]

(c) Encik Gooi yang mengeluarkan tiga jenis produk mengikut tempahan pelanggan. Encik Gooi menghadapi masalah kekurangan tukang jahit untuk pengeluaran produknya. Maklumat berkenaan berhubung dengan pengeluaran 3 jenis produk yang Bernama Topi penama, Bucket Hat, Baseball Hat pada bulan lepas. Tiga jenis produk ini yang menggunakan jumlah kos tukang jahit yang terhad kepada RM41,260.

| | Topi Penama | Bucket Hat | Baseball Hat |
|---|---|---|---|
| Hasil jualan | RM64,000 | RM90,000 | RM79,800 |
| Unit jualan | 800 | 900 | 840 |
| | RM | RM | RM |
| Kos buruh langsung seunit | 10 | 15 | 14 |
| Kos bahan mentah seunit | 30 | 35 | 22 |
| Kos overhed berubah seunit | 10 | 12.50 | 10 |

Anggaran maksimum unit jualan bagi setiap produk pada bulan ini adalah seperti berikut:

| | |
|---|---|
| Topi Penama | 1,100 unit |
| Bucket hat | 1,200 unit |
| Baseball Hat | 1,300 unit |

**Dikehendaki:**

(i) Keutamaan yang patut diberikan kepada setiap produk berdasarkan penggunaan kos buruh langsung.

(ii) Penggunaan kos buruh antara 3 jenis produk untuk memperolehi untung maksimum. [10]

## Soalan 5

(a) Syarikat Cleans Sdn Bhd mengeluarkan produk pencuci baju. Maklumat piawai bagi produk pencuci baju untuk tahun 2023 seperti berikut:

| | |
|---|---|
| Volum dikeluarkan | 60,000 botol |
| Bahan digunakan (92,000kg) | RM 78,200 |
| Buruh langsung (90,000jam) | RM198,000 |
| Overhed berubah | RM 24,000 |
| Overhed tetap | RM 55,200 |

Maklumat yang berkaitan dengan pengeluaran sebenar pencuci baju untuk bulan Julai 2023 adalah seperti yang berikut:

| | |
|---|---|
| Unit Pengeluaran | 4,680 botol |
| Bahan digunakan (7,500kg) | RM 6,750 |
| Buruh langsung (7,400jam) | RM14,800 |
| Overhed berubah | RM 2,400 |
| Overhed tetap | RM 4,500 |

**Dikehendaki:**

(i) Hitung varians yang berikut, adalah nyatakan sama ada varians itu memuaskan (M), atau tidak memuaskan (TM).
   (1) varians harga dan varians penggunaan bahan mentah langsung [4½]
   (2) varians kadar dan varians kecekapan buruh langsung [4½]
   (3) varians perbelanjaan dan volum overhed tetap [5]

(ii) Sediakan catatan jurnal bagi merekodkan varians di (1) dan (2) [5]

(b) Berikan **dua** sebab untuk setiap satu varians yang berikut:
   (1) Varians harga bahan mentah langsung tidak memuaskan
   (2) Varians kadar buruh langusng memuaskan [1]

----------SOALAN TAMAT----------

TAMAT SAMPEL

# Suka sampel ini?

## Set penuh: Kertas Percubaan STPM

Sem 1 · Perakaunan

**Sampel ini: 7 muka surat. Set penuh ada:**

- 3 fail PDF
- Semester 1: kertas percubaan (trial) negeri, subjek yang dipilih + skema
- Blueprint 30 hari Semester 1 (setiap subjek)
- Semester 3: percubaan 2024, 10 subjek, banyak negeri, soalan + skema dalam satu fail

# RM12.90

**BELI SET PENUH RM12.90 >**

nightmew.com/p/stpm · FPX semua bank · download sejurus lepas bayar